

Newspaper	Utusan Melayu
Date	03/08/2017

# Tuduhan Mahathir cuba lagakan Zahid dengan Najib

UM -  
3/8/2017  
Pg. 8

**SHAH ALAM 2 Ogos** - Dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bertemu dengannya untuk meminta sokongan tidak lebih sekadar bertujuan melagakan Naib Presiden UMNO itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Ketua Penerangan UMNO negeri, Datuk Zein Isma Ismail berkata, niat jahat Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu jelas dapat dilihat kerana pertemuan yang berlaku selepas 10 hari Ahmad Zahid menjadi Timbalan Perdana Menteri cuma sekadar pertemuan biasa.

"Ketika itu, Ahmad Zahid baharu sahaja dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sudah tentulah antara individu yang akan beliau temui adalah Dr. Mahathir, atas dasar hormat kepada beliau kerana pengalamannya selaku bekas Presiden UMNO dan bekas Perdana Menteri.

"Namun kenyataan Dr. Mahathir mengenai pertemuan tersebut yang cuba menggambarkan

seolah-olah Ahmad Zahid ada membuat gerakan untuk menjatuhkan Najib merupakan satu tuduhan tidak masuk akal, fitnah dan berniat jahat.

"Sedangkan, kita dapat lihat bagaimana Ahmad Zahid hari ini berdiri teguh mendokong, setia dan membela Perdana Menteri dalam apa juga isu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kelmarin Dr. Mahathir mendakwa kononnya Timbalan Perdana Menteri cuba mendapatkan sokongan beliau dalam pertemuan itu dan dakwaan tersebut dibuat sebaik sahaja Ahmad Zahid mendedahkan asal-usul bekas Perdana Menteri tersebut.

Dalam perkembangan yang sama, Zein Isma berkata, umum mengetahui hubungan antara Ahmad Zahid dengan Najib bukan baharu tetapi telah terjalin sejak zaman Pemuda UMNO lagi dan Menteri Dalam Negeri



ZEIN ISMA ISMAIL

itu sendiri pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Najib.

Justeru, beliau menyeru seluruh ahli serta kepemimpinan UMNO agar tidak mudah termakan dengan apa yang didakwa Dr. Mahathir yang dilihat bertujuan untuk menimbulkan syak wasangka sesama pemimpin dan ahli UMNO

di peringkat akar umbi.

"Saya dapat rasakan kekecewaan Dr. Mahathir apabila melihat Ahmad Zahid terus menumpahkan taat setianya kepada Najib sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, beliau kecewa apabila melihat Ahmad Zahid terus mempertahankan Najib daripada serangan yang dilakukan pembangkang.

"Inilah cara Dr. Mahathir mengalihkan perhatian rakyat daripada isu kegagalan Pakatan Harapan serta skandal pemerintahannya, kepada isu mahu menjatuhkan Najib," katanya.